



SIARAN MEDIA

KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS & SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2023 MENERUSKAN KEMBARA KE PERAK

BATU GAJAH, PERAK – Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi agensinya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terus mempergiatkan ikhtiarnya mengurangkan kadar pengangguran di negara ini menerusi penganjuran Karnival Kerjaya di seluruh negara.

Karnival Kerjaya MYFutureJobs & Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 kali ini dianjurkan di Batu Gajah untuk memberi peluang kepada rakyat tempatan menghadiri temu duga terbuka oleh para majikan dari pelbagai sektor ekonomi.

Karnival dua hari, yang juga mengetengahkan **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)**, telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Tuan V. Sivakumar pada hari ini. Program berlangsung di **Silverlakes Village Outlet** pada **25 dan 26 Februari 2023**.

Untuk menjayakan program ini, PERKESO telah bekerjasama dengan Majlis Daerah Batu Gajah dan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) untuk membawa **lebih 5,000 peluang pekerjaan daripada 25 syarikat swasta dan agensi kerajaan** seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute (MARii), SAMSUNG, Maybank, MYDIN, FLEX, 99 Speedmart dan banyak lagi.

Seperti kelazimannya, aktiviti yang dirancang sepanjang karnival termasuk pendaftaran MYFutureJobs, bantuan penyediaan resume serta khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya dari Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO. **Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs** yang merupakan tonggak kepada perkhidmatan

pekerjaan PERKESO, sejak 2020 sehingga kini telah membantu **776,742** orang pencari kerja memperoleh pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, Tuan V. Sivakumar, dalam ucapan perasmianya, melahirkan perasaan optimis beliau terhadap pengukuhan pasaran buruh pada tahun ini. Ini berdasarkan penurunan kadar pengangguran pada **suku keempat tahun 2022 kepada 3.6 peratus** iaitu menghampiri kadar pengangguran sebelum pandemik COVID-19 iaitu **3.2 peratus pada suku yang sama tahun 2019**.

Beliau juga menzahirkan pandangan bahawa skim perlindungan suri rumah pertama di rantau ini iaitu **SKSSR** mendukung aspirasi Kerajaan Perpaduan berteraskan enam rukun di bawah konsep Membangun Malaysia MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan yang menjamin hak semua rakyat Malaysia, khususnya golongan marjinal dan terpinggir.

Sepanjang dua hari ini, orang ramai boleh mendapatkan penerangan lanjut tentang SKSSR sementara golongan wanita di bawah usia 54 tahun boleh membuat pendaftaran SKSSR di *booth* yang disediakan.

Sejak SKSSR dilaksanakan pada **1 Disember 2022 sehingga 24 Februari 2023**, seramai **168,350** orang suri rumah telah mencarum di bawah skim ini. Mereka ini layak mendapat perlindungan terhadap risiko kemalangan, keilangan dan kematian sewaktu melakukan urusan rumah tangga.

Bagi pencari kerja yang berminat menyertai Karnival ini, anda digalakkan mendaftar di www.myfuturejobs.gov.my/career. Para majikan yang berminat untuk turut serta dalam karnival kerjaya akan datang, boleh menghubungi Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO di talian **03-8091 5300**. Bagi sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi talian khidmat pelanggan PERKESO 1-300-22-8000.

**Dikeluarkan:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
25 Februari 2023**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di + 6019 – 383 3605.